

30 OCT 2003

SAYA MASIH MAMPU KELUARKAN KATA-KATA 'PANAS', KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Walaupun hanya tinggal sehari saja lagi sebelum beliau berundur sebagai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau masih mampu mengeluarkan kenyataan "panas" jika itu yang dikehendaki oleh media.

"Saya tak tahulah sama ada ianya (pengundurannya) senyap atau bisung. Awak boleh menjadikannya gamat, dan saya akan berundur dengan riuh. Jika tanya soalan yang kasar, saya akan beri jawapan kasar," katanya kepada seorang wartawan asing pada sidang medianya selepas membentangkan laporan kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kelapan di Dewan Rakyat hari ini.

Wartawan itu ingin tahu sama beliau akan membuat kenyataan-kenyataan yang tidak lagi kontroversial selepas persaraannya esok.

Ketika ditanya tentang mesejnya kepada media, Dr Mahathir menjawab: "Laporkan yang benar walaupun ianya buruk tetapi jangan jadi dalang, jangan putar belit berita dan jangan ada agenda kamu sendiri."

Mengenai perasaannya di hari terakhir beliau hadir ke Parlimen sebagai seorang Perdana Menteri, Dr Mahathir berkata beliau merasa sedih sedikit tetapi, pada masa yang sama gembira, kerana dapat melaksanakan tugas utama pada persidangan hari ini iaitu membentangkan laporan kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kelapan.

-- BERNAMA
NM WNZ MAI